

20/10/1997

Media asing gagal pengaruhi pelabur Barat

SETIU, Ahad - Pelabur Barat tidak terpengaruh dengan media asing yang melaporkan pelbagai masalah, termasuk kejatuhan nilai ringgit dan jerebu yang melanda negara ini serta negara lain di rantau ini.

Tujuan media asing berbuat demikian supaya pelabur yang sudah berjanji melabur di negara ini membatalkan pelaburan mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri, Pertanian dan Perikanan negeri, Datuk Mamat Ghazalee Abdul Rahman, berkata walaupun keadaan jerebu sudah hampir pulih namun media asing tidak melaporkan keadaan itu.

Katanya, ketika berada di Jerman, Itali dan United Kingdom baru-baru ini, beliau ditanya pelabur mengenai masalah kejatuhan nilai ringgit dan jerebu yang melanda negara ini.

Bagaimanapun, katanya pelabur berkenaan yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dapat menyelesaikan masalah itu secepat mungkin.

"Setelah dijelaskan mengenainya, pelabur terbabit bersedia meneruskan pelaburannya di negara ini," katanya selepas perasmian dan majlis penyerahan anak angkat pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) di Dewan Sivik Kampung Merang di sini, semalam.

Mamat yang mengetuai misi pelaburan ke beberapa negara Eropah selama seminggu berkata, pelabur berkenaan sudah masak dengan fitnah yang sering dilemparkan kepada negara ini.

Katanya, pelabur asing melihat ekonomi negara ini masih kukuh dan percaya masalah yang melanda ketika ini dapat diatasi.

"Mereka yakin keupayaan kerajaan mengatasi masalah kejatuhan nilai ringgit," katanya.

(END)